

Setahun bersiaran, KKFM semakin ramai pendengar setia

UB 1/7/2011 B16

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

HARI INI genaplah setahun stesen radio yang semakin mendapat perhatian pendengar khususnya sekitar Bandaraya Kota Kinabalu dan Labuan iaitu KKFM bersiaran di frekuensi 91.1 mhz.

Dirasmikan oleh Nabib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Ampon pada 1 Julai 2010, kini KKFM dianggap sudah mencapai matlamat penyiarannya.

Pengurusnya, Ady Maldin berkata, KKFM kini berjaya mencapai matlamatnya untuk menjadi sebuah stesen radio yang dapat memberikan informasi yang berguna serta menghiburkan masyarakat.

Sebagai orang yang bertanggungjawab menyusun

corak radio berkenaan dari awal hingga ia bersiaran secara rasmi, beliau menjelaskan, walaupun KKFM baru setahun, ia bukan sahaja berjaya menjadi sumber informasi dan hiburan pendengar, namun berjaya sebagai gedung ilmu selaras dengan objektif penubuhannya.

"Tahun ini kami akan mengeluarkan 10 orang pelajar UMS yang telah menjalani latihan secara praktikal sebagai penyampai, penerbit dan pembaca berita. Saya mengharapkan mereka dapat mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan yang mereka pelajari di bilik kuliah dan radio ini ke alam pekerjaan nanti," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Ditanyakan tentang radio atas talian (online), Ady berkata, pihaknya sedang menunggu server baru untuk

menampung pendengar yang ramai.

"Kita akan menunggu server baru yang lagi besar supaya semua pendengar berpuas hati dengan kualiti bunyi ketika kami bersiaran," katanya.

Beliau berkata, pihak KKFM sentiasa mengambil input daripada pendapat pendengar untuk memenuhi kehendak mereka.

"**Saya mengucapkan terima kasih** yang tidak terhingga kepada semua pendengar KKFM yang sentiasa memberi sokongan dan pendapat untuk menjadikan radio ini antara radio yang paling digemari di Kota Kinabalu dan Labuan, anda merupakan nadi dan sumber inspirasi kepada kami untuk terus memberikan yang terbaik kepada anda," katanya.

Ketua Bahagian Rancangan Bahasa Melayu, Felix Agus berkata, sempena ulang tahun radio KKFM yang pertama ini, beliau dan penyampai yang lain akan menjadikan stesen radio berkenaan lebih agresif dan proaktif dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat dan juga memartabatkan artis di Sabah.

Felix yang dikenali sebagai Felixia, Anthony dan Auntie Kotirin dalam segmen Ampai-Ampai berharap akan berusaha lebih gigih untuk membuat yang terbaik kepada pendengar khususnya semasa siaran rancangan Ampai-



SELAMAT ULANG TAHUN...KKFM 91.1 fm.

Ampai yang dikendalikannya bersama DJ Ramli.

Sementara itu, Ketua Bahagian Rancangan Bahasa Inggeris yang juga penyampai bagi segmen Cafe 911, Feria Lee, mengucapkan terima kasih kepada pendengar yang menyokong KKFM.

Beliau turut membuat perancangan untuk menambahbaik rancangan bahasa Inggeris selepas ulang tahun KKFM ini.

Salah seorang pelajar UMS dari program Komunikasi yang menjalani latihan praktikal di

KKFM, Hanafi, 22, berkata, pengalaman bertugas di KKFM sangat berharga kerana dapat menjalani praktikal secara langsung sebagai penerbit untuk Krew Ampai-Ampai, penyampai, dilatih untuk membuat promo, skrip iklan dan suntingan 'jingle' yang baik.

Bagi Azman Ades, dengan adanya radio sendiri di UMS, pelajar tidak perlu susah-susah lagi untuk menjalani

praktikal di tempat lain.

Bagi mereka yang ingin berinteraksi dengan penyampai KKFM boleh menghantar SMS dengan cara taipkan KK <nama> dedikasi atau ucapan hantar ke 32776. Selain itu, boleh menghubungi talian 088-448996 atau melayari laman 'facebook' iaitu KKFM-Bukan Sekadar Muzik.



FERIA LEE



SEGMENT PAGI...Penyampai segmen krew pagi (dari kiri) Alvin, Obie, dan Za.